

'Henti pertelingkahan'

Abdullah arah YB, K D R M selesai pertikaian elak berlarutan

Oleh Kadir Dikoh, Ahmad Naim Tahir dan Hussain Said

SEREMBAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan pertelingkahan antara Ahli Parlimen dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) di Dewan Rakyat dihentikan dan semua masalah berkaitan diselesaikan segera.

Perdana Menteri berkata, penyelesaian pantas mengenai semua isu yang dibangkit juga harus diumumkan secepat mungkin supaya tuduh menuduh antara pinak berkaitan tidak berlarutan.

"Tuduh menuduh ini satu perkara yang saya fikir sudah sampai ke peringkat yang elok diberhentikan...itu pandangan saya kepada mereka (Ahli Parlimen dan KDRM) sebab banyak perkara yang timbul masa ini

"Kalau berlarutan, tentu ada reaksi tidak baik, sama ada terhadap kastam atau mungkin orang tertentu rasa tak senang hati dengan wakil rakyat dan Ahli Parlimen yang bercakap dalam lingkungan kebebasan bersuara di Parlimen," katanya selepas penamaan semula Rumah Pangsa Projek Perumahan Rakyat (PPR) Paroi sebagai Pangsapuri Seri Perdana, dekat sini, semalam.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan, mengulas perang mulut di media membabitkan pegawai atasan KDRM dan beberapa Ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

Terbaru, Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KDRM, Mohamed Adnan Ariffin mendedahkan bahawa

"Kalau berlarutan, tentu ada reaksi tidak baik, sama ada terhadap kastam atau mungkin orang tertentu rasa tak senang hati dengan wakil rakyat dan Ahli Parlimen"

**Abdullah
Ahmad Badawi**
Perdan Menteri

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd Said Yusof menghantar dua khidmat pesanan ringkas (SMS) yang didakwa berbau ugutan.

Perdana Menteri berkata, Ahli Parlimen mempunyai kebebasan membincangkan pelbagai isu di Dewan Rakyat kecuali kes di mahkamah serta isu yang menyalahi Akta Hasutan.

"Dua itu saja yang tidak boleh dibincangkan, yang lain tak ada masalah. Tetapi, walaupun ada kebebasan, rakyat berharap Ahli Parlimen bercakap sesuatu yang melambangkan fakta, betul dan tepat.

"Hujah yang dikemukakan biarlah munasabah, tinggi mutunya dengan niat dan tujuan membangun dan membina negara. Jika hujah itu melanggar (peraturan) dan timbulkan masalah, kita ada prosedur di Parlimen," katanya.

Di PUTRAJAYA; Datuk Seri Najib Razak berkata, Ahli Parlimen yang menyalahgunakan kebebasan atau imuniti di Dewan Rakyat boleh dirujuk kepada jawatankuasa Parlimen.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun Ahli Parlimen mempunyai imuniti bercakap di Dewan Rakyat, mereka tidak harus mem-

perkecilkan kewibawaan agensi kerajaan.

"Kita juga berharap apa-apa teguran yang dibuat Ahli Parlimen, hendaklah dibuat dengan kenyataan dan fakta yang tepat dan dalam keadaan tertib. Maknanya, kita boleh tegur, tetapi kita tegur dengan cara berhemah di dalam Parlimen," katanya pada sidang media selepas pengengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam di sini, semalam.

Mengenai tindakan Mohamed Adnan mendedahkan bahawa Mohd Said menghantar dua SMS yang didakwa berbau ugutan, Najib berkata, kedua-dua mereka mengenali antara satu sama lain sejak 10 tahun lalu dan penghantaran SMS itu lebih berbentuk persendirian.

Beliau berkata, apabila kandungan SMS itu didedahkan kepada umum, ia menimbulkan rasa kurang senang di kalangan beberapa Ahli Parlimen.

Mengenai sama ada tindakan boleh diambil terhadap Mohd Said, beliau berkata: "Jika ada pelanggaran, maka kita boleh rujuk kepada jawatankuasa (Parlimen) yang berkaitan."